

Penurunan kadar surcaj ICPT

Kerajaan pantau kesan harga barang

Subsidi elektrik bersasar diharap tak jejas kepentingan majoriti rakyat

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

Butterworth: Penurunan kadar surcaj Pelepasan Kos Tidak Berimbang (ICPT) kepada pengguna komersial dan industri dijangka dapat membantu menurunkan harga barangan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, pihak kerajaan bersetuju untuk menurunkan kadar surcaj ICPT kepada syarikat besar dengan maksud mereka dapat membantu dalam usaha mengurangkan harga barangan.

“Kita akan pantau adakah penurunan kadar elektrik ini akan membawa kesan penurunan harga barang,” katanya dalam sidang media di sini, kelmarin.

Beliau berkata kerajaan Persekutuan melaksanakan subsidi elektrik secara bersasar dengan syarat utama ia tidak akan menjejaskan kepentingan majoriti rakyat Malaysia.

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dalam kenyataan kelmarin mengumumkan tiada kenaikan tarif elektrik kepada semua pengguna elektrik di Semenanjung mulai 1 Julai hingga 31 Disember ini.

Kenyataan itu memaklumkan penurunan surcaj sebanyak 1 sen/kWj kepada kategori lampu jalan (tarif G dan Gl) di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), manakala pengguna komersial dan industri juga akan mengalami penurunan kadar surcaj ICPT sebanyak 1 sen/kWj, bagi tempoh sama.

Tolak dakwaan pembangkang
Sementara itu, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli menolak dakwaan pembangkang kononnya negara meminjam daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Katanya, hanya negara yang berada di ambang muflis dan ti-

dak mampu lagi membayar hutang akan memohon bantuan kewangan daripada IMF.

Beliau berkata, ini berbeza dengan keadaan ekonomi negara ini yang masih mampu membayar hutang tanpa perlu meminjam daripada institusi kewangan dunia itu.

Beliau juga berkata IMF juga adalah tempat terakhir mana-mana negara mendapatkan bantuan kewangan.

“Faham ke tidak kenapa negara-negara lain pergi kepada IMF? IMF adalah institusi kewangan terakhir dunia (dimohon pinjaman). Maksudnya apabila sudah pinjam satu dunia (daripada pihak lain), bila sudah tak boleh bayar hutang nak bankrap macam Sri Lanka baru kamu pergi kepada IMF.

“Kamu tak pergi kepada IMF kalau kamu masih boleh bayar hutang. Ada Malaysia nak bankrap sekarang? Ada kita tak boleh bayar (hutang)?,” katanya.

Rafizi yang juga Naib Presiden PKR berkata negara yang masih mempunyai wang akan dianggap sebagai gila jika masih ingin meminjam kepada IMF justeru soal itu seharusnya tidak ditimbulkan oleh pembangkang.